

**Bantah MBE: PM pertimbang saranan NGO Melayu  
Malaysiakini.com  
June 01, 2010  
Hazlan Zakaria**

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak menyifatkan bantahan Majlis Perundingan Melayu (MPM) yang diterajui Pertubuhan Peribumi Perkasa Malaysia (PERKASA) berhubung Model Baru Ekonomi (MBE) sebagai "pandangan dan saranan" yang akan dipertimbangkannya.

"Apabila saya berucap, mereka memberikan tepukan gemuruh," kata Najib yang cuba menafikan bantahan meluas kumpulan berkenaan berhubung MBE.

Beliau dijangka akan mengemukakan butiran MBE itu sebagai sebahagian daripada Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) pada 10 Jun ini di parlimen.

Najib juga berkata RMK-10 yang akan dibentangkan nanti akan mengandungi elemen berdasarkan pada Model Baru Ekonomi (MBE).

Ditanya mengenai bantahan terhadap MBE itu, Najib berkata: "Dia bagi pandangan dia (yang) tertentu. Nanti tunggulah saya buat ucapan dulu (pembentangan RMK-10)."

Tambahnya, elemen MBE itu akan dimasukkan dalam rangka tindakan atau 'blueprint' yang akan dilaksanakan sepanjang 2011 hingga 2015.

Bila ditanya mengenai butirannya, Najib memberitahu wartawan supaya menunggu ucapannya ketika pembentangan RMK-10 apabila parlimen mula bersidang semula Isnin depan.

"Bagaimana anda boleh bertanyakan butirannya sebelum ucapan saya disampaikan. Anda perlu tunggu selepas ucapan."

Beliau tidak mahu menghurai lanjut berhubung perkara itu.

MPM yang mewakili 76 NGO Melayu pada Sabtu lalu, sebulat suara pada Kongres Ekonomi Bumiputera (gambar atas) memberitahu Najib pada sesi penutup bahawa mereka menolak MBE.

Lebih seribu perwakilan menghadiri kongres pada hujung minggu itu.

Mereka meluluskan 33 resolusi yang menentang pelaksanaan MBE dan menyerahkan sesalinan bantahan itu kepada Najib semasa upacara penutup.